

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)8**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM  
YB. JOSEPH NG SOON SIANG**

8 Nyatakan inisiatif hijau yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri &  
. Pihak Berkuasa Tempatan?

(a) Sila senaraikan jumlah inisiatif hijau yang telah dilaksanakan di  
dalam KADUN Air Itam..

**YB. PHEE BOON POH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B KETUA MENTERI**

8 Inisiatif hijau yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dan  
. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah bersifat holistik, melibatkan keseluruhan Negeri termasuk KADUN Air Itam. Senarai inisiatif hijau yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dan PBT adalah seperti berikut:-

1. Larangan sepenuhnya penggunaan bekas polisterin bermula pada tahun 2010 di seluruh Pulau Pinang kerana ianya mengandungi toksik *styrene*, *benzene*, *carcinogens* dan *neurotoxins* yang berbahaya kepada manusia di samping merosakkan ekosistem dan menjejaskan kepelbagaian diversiti hidupan marin;

2. Melaksanakan program “*No Free Plastic Bag*” sejak tahun 2009 sebagai langkah kawalan penggunaan beg plastik di Pulau Pinang kerana setiap beg plastik yang dibuang mengambil masa yang lama untuk mereput dan menghasilkan karbon dan toksik yang berbahaya kepada manusia semasa proses pereputan;
3. Melaksanakan Dasar Pengasingan Sisa di Punca mulai 1 Jun 2016 bagi mengurangkan pencemaran alam sekitar serta menjaga keseimbangan ekosistem di samping meningkatkan kadar kitar semula sisa pepejal di Negeri Pulau Pinang kepada 38% pada tahun 2018 berbanding 18% pada tahun 2008;
4. Melaksanakan program Sekolah Hijau untuk memupuk semangat cintakan alam sekitar di kalangan generasi muda;
5. Mewujudkan jaringan sisa sifar bagi memudahkan orang awam untuk mengitar semula barangan melalui aplikasi *Trash to Treasure*;
6. Melaksanakan Program Pengurusan Hutan Secara Lestari dengan mengekalkan kawasan hutan sedia ada di Negeri Pulau Pinang sebagai penyerap karbon termasuk hutan darat dan hutan paya laut seluas 5,100.93 hektar di Negeri Pulau Pinang sebagai hutan simpanan kekal;
7. Melaksanakan penanaman sebanyak 271,000 pokok di seluruh negeri Pulau Pinang dari tahun 2008 hingga Disember 2017 sebagai langkah pengurangan karbon;

8. Memperkenalkan Pensijilan Pejabat Hijau Pulau Pinang (*Penang Green Office Certification*) sebagai inisiatif pengurangan pelepasan karbon dan penjimatan tenaga yang telah disertai sebanyak 124 organisasi;
9. Melaksanakan program *Car-Free Day* dan menyediakan laluan trek berbasikal bertujuan untuk mengurangkan pelepasan karbon dari kenderaan melalui aktiviti rekreasi dan riadah;
10. Menjalinkan kerjasama dengan organisasi antarabangsa seperti *Global Environment Centre (GEC)*, *United Nation Environment Programme (UNEP)* dan *Climate and Clean Air Coalition* bagi melaksanakan projek perintis melibatkan *Short Lived Climate Pollutant (SLCP)* yang merupakan salah satu penyumbang pelepasan karbon;
11. Memperkenalkan perkhidmatan bas percuma *Congestion Alleviation Transport (CAT)* dan *Bridge Express Shuttle Transit (BEST)* bertujuan mengurangkan kesesakan lalu lintas di samping menggalakkan penggunaan perkhidmatan pengangkutan awam dan sekaligus mengurangkan pelepasan karbon kenderaan persendirian di jalan raya;
12. Membangunkan *Penang Green Agenda 2020-2030* yang akan dijadikan *road map* ke arah menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri hijau, lestari dan mampan menjelang tahun 2030;
13. Memulakan inisiatif *Low Carbon City Framework (LCCF)* oleh Pihak Berkuasa Tempatan ke arah menjadikan Pulau Pinang sebagai bandar rendah karbon; dan

14. Memastikan penggunaan lampu jalan jenis *Light Emitting Diode (LED)* yang lebih menjimatkan tenaga bagi menggantikan lampu jalan konvensional.

1. Inisiatif hijau secara khusus yang dilaksanakan di KADUN Air Itam adalah seperti berikut:-

1. Memulakan proses untuk mewartakan Bukit Bendera, Pulau Pinang dan kawasan sekitarnya sebagai tapak *UNESCO Man and Biosphere Reserve*;

2. Menukar sebanyak 298 unit lampu jalan awam konvensional kepada lampu jalan LED dan sebanyak 380 unit lagi akan ditukar pada tahun 2019;

3. Program penanaman sebanyak 355 pokok dari tahun 2008 hingga tahun 2018 di sekitar KADUN Air Itam;

4. Program kebun komuniti dengan kerjasama Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Komuniti Kampung (JKKK) Bharu, Air Itam;

5. Kempen Pendidikan Rumah ke Rumah (*House to House Educational Campaign*) oleh Penang Green Council di KADUN Air Itam bagi menyampaikan informasi mengenai Program-program Hijau Negeri;

6. Menyediakan perkhidmatan laluan bas percuma CAT di KADUN Air Itam dengan kerjasama Rapid Penang meliputi Paya Terubong, Jalan Paya Terubong (Wisma Indah), Jalan Ayer Itam (Pekan Ayer Itam), Jalan Sempadan, Jalan Padang Tembak, Jalan Ayer Itam, Jalan Thean Teik (Sunshine Farlim), Jalan Angsana, Jalan Semarak Api, Lintang Angsana dan Lebuhraya Thean Teik;
  
7. Sambutan Hari Air Sedunia 2016 yang dianjurkan di Empangan Air Itam; dan
  
8. Program Sekolah Hijau Bersama sekolah-sekolah yang terdapat dalam KADUN Air Itam.